



18 MAY, 2026

## TNB manfaat AI dalam sistem bekalan tenaga

Harian Metro, Malaysia



# TNB manfaat AI dalam sistem bekalan tenaga

**Kuala Lumpur:** Sama seperti ramalan cuaca yang membantu orang ramai merancang rutin harian, daripada mengelakkan kesesakan trafik ketika hujan lebat sehinggalah menyusun aktiviti hujung minggu, kecerdasan buatan (AI) kini semakin dimanfaatkan dalam sektor tenaga untuk menjangkakan permintaan elektrik dan melengkapkan sistem bekalan tenaga lebih awal.

Bagi Tenaga Nasional Bhd (TNB), AI semakin menjadi nadi penggerak di sebalik grid tenaga yang lebih pintar, lebih selamat dan lebih cekap, ketika penyedia utiliti itu menghadapi cabaran sistem elektrik moden yang semakin kompleks.

Ketua Pegawai Digital dan Maklumat TNB, Azlan Ahmad berkata, AI untuk tenaga pada dasarnya adalah

mengenai usaha memberikan keupayaan “otak dan mata” kepada grid tenaga supaya dapat menjangkakan, mengoptimumkan dan melindungi sistem dalam masa nyata.

Beliau berkata, sistem bekalan tenaga tradisional seperti kereta manual, pemandu perlu membuat setiap keputusan, menukar setiap gear dan memerhatikan setiap tolok.

“Bagaimanapun, sistem tenaga hari ini jauh lebih kompleks, dengan beribu-ribu panel solar dan pengecas kenderaan elektrik (EV) yang semakin bertambah dan disambungkan kepada grid setiap hari.

“Ini menjadi semakin mencabar bagi manusia untuk mengurus sistem dengan cekap dalam masa nyata,” katanya kepada Berita dalam temu bual di ibu pejabat TNB.